

Lawatan Kerja Delegasi Local Authorities Transfer Fund Advisory Committee (LATF) Republik Kenya Ke Jabatan Audit Negara (JAN)

Jabatan Audit Negara telah menerima lawatan kerja delegasi *Local Authorities Transfer Advisory Committee* Republik Kenya Ke Jabatan Audit Negara pada 1 Mac 2012. Delegasi ini diketuai oleh Dr. Anyamba T.J.C.

Lawatan ini adalah selaras dengan semangat Kerjasama Selatan-selatan (*south-south cooperation*) seperti yang ditekankan oleh YAB Perdana Menteri serta pimpinan-pimpinan negara lain di Dialog Antarabangsa Langkawi edisi Jun 2011 di Putrajaya. Antara Kementerian yang dilawati adalah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kewangan Malaysia, Kementerian Luar Bandar dan Wilayah, Unit Penyelaras Pelaksanaan, Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur (DBKL) serta Jabatan Audit Negara. Lawatan kerja ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman mengenai bidang kuasa antara kerajaan pusat dengan pihak berkuasa tempatan serta penentuan bidang kuasa tersebut di samping mempelajari konsep kerajaan tempatan dan peranan yang dimainkan oleh *stakeholders* di Malaysia.

Tn Hj. Che Isa bin Hj. Che Kob, Pengarah Sektor Audit Kerajaan Negeri telah mewakili YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin Bin Buang, Ketua Audit Negara yang berada di Jaipur, India sempena perhimpunan ASOSAI ke 12, telah memberi taklimat kepada delegasi tersebut bertajuk 'Audits of Local Government in Malaysia'. Pada akhir taklimat tersebut, Encik Che Isa Bin Che Kob telah menyampaikan cenderahati daripada JAN kepada delegasi LATF sebagai kenang-kenangan. Beliau juga menerima cenderahati daripada Dr. Anyamba T.J.C, ketua delegasi sebagai tanda penghargaan.

**Gambar semasa sesi taklimat
sempena Lawatan Kerja Delegasi Local Authorities Transfer Fund Advisory
Committee (LATF) Republik Kenya Ke Jabatan Audit Negara (JAN)**

